

18/06/1999

Johor tiang seri parti

Saodi Mat Attar

BARANGKALI tidak keterlaluan untuk mengatakan Umno Johor mewarisi kunci kekuatan parti dan senjata paling sakti selama ini, iaitu perpaduan orang Melayu, sehingga layak dinobatkan sebagai tiang seri Umno.

Rumusan itu didasari liku-liku yang dilalui Umno Johor terutama dua peristiwa penting iaitu Umno tumbuh di atas usaha mengikat perpaduan yang dicetuskan Orang Melayu Johor dan penyatuan semula puak dalam parti, selepas krisis perpecahan terbesar yang mencatat sejarah hitam Umno diharamkan pada 1988.

Kalau penubuhan Umno digerakkan oleh pertubuhan Melayu di Johor dalam penentangan terhadap Malayan Union pada 1946, Johor menganjurkan Perhimpunan Melayu Johor bagi mengembalikan kekuatan Umno selepas goyah akibat pertandingan terhebat pucuk kepemimpinan parti pada 1987.

Sesungguhnya, pelbagai peristiwa mencabar berlaku sejak Piagam Umno dengan 12 artikel ditandatangani sempena Kongres Ketiga Melayu di Istana Besar Johor Bahru sehingga ke hari ini. Semua itu adalah proses kematangan Umno yang terbukti ditunjangi kekuatan perpaduan Orang Melayu Johor.

Sejarah membuktikan bahawa atas nama perpaduan Orang Melayu, ahli Umno Johor menolak parti serpihan iaitu Parti Negara yang didukung bapa Umno sendiri, Datuk Onn Jaafar setelah meninggalkan Umno.

Begitu juga, perpecahan akibat pertandingan 1987 berakhir dengan ahli Umno Johor termasuk tokoh utama, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, kembali dalam satu barisan. Mereka tidak mengizinkan kewujudan elemen menggugat ketuanan Orang Melayu dalam politik tanah air.

Kedua-dua peristiwa itu mengukuhkan lagi kekuatan yang sudah berakar-umbi dengan inti perjuangan parti dan perpaduan Orang Melayu tetap diutamakan Umno Johor, sekali gus perasaan kenegerian diketepikan demi perjuangan nasib Orang Melayu.

Ramuan paling mustajab itu terpahat kukuh untuk menjadi benteng utama sehingga menyukarkan parti pembangkang bertapak di Johor sehingga ke hari ini. Statistik setiap kali pilihan raya menunjukkan Umno Johor dan komponen lain dalam Barisan Nasional (BN), tidak pernah mengecewakan pakatan itu termasuk ketika tahun suram pada 1969 dan penentangan paling terancang di kalangan pembangkang pada pilihan raya 1990.

Dalam pilihan raya selepas merdeka dan cabaran pertama Umno selepas krisis 1987 dan diikuti pilihan raya 1990, Johor bukan sahaja kekal sebagai kubu kuat Umno, malah kawasan selamat Perikatan/BN sehingga dianggap sebagai jantung hati BN. Lahirnya Umno di bumi Johor bukan secara kebetulan tetapi didasari pelbagai peristiwa dan keadaan yang mendorong kepada kebangkitan semangat Melayu iaitu penentangan terhadap Malayan Union.

Perbincangan bermula pada petang 22 Januari 1946 di rumah Tan Sri Noah Omar (majistret Batu Pahat ketika itu) di Jalan Sultanah. Pertemuan hingga jam 3 pagi membabitkan Onn, Noah, Anuar Abdul Malek, Syed Abdul Rahman Ahmad dan Syed Alwee al-Hadi, membawa kepada pertemuan Kongres Melayu pertama pada Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru dengan dihadiri 41 persatuan Melayu.

Bermula dengan gerakan itu, Onn sebagai Yang Dipertua pertama Umno bersama beberapa tokoh Melayu termasuk Zaaba menyusun strategi penentangan terhadap Malayan Union menerusi kelahiran rasmi Umno pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru.

Dalam tempoh dua tahun itu, Onn pintar berhujah hingga mendapatkan

kedudukan yang baik bagi beberapa negeri Melayu dengan terhapusnya Malayan Union untuk digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.

Gerakan ini menjadi titik tolak mendaulatkan maruah Orang Melayu apabila arus dicetuskan di Johor mengajak Orang Melayu mengikis semangat kenegerian dan mengetepikan sebarang perbezaan atas nama perpaduan untuk mempertahankan tanah air dan masa depan.

Keyakinan Orang Melayu Johor kepada Umno sebagai lambang perpaduan bangsanya terbukti apabila mereka menolak Onn yang menubuhkan Parti Negara di kawasan Johor Bahru Timur pada pilihan raya 1955. Onn keluar daripada Umno kerana tidak bersetuju dengan dasar Umno yang menyekat keahlian daripada bukan Melayu.

Umno Johor diuji sekali lagi apabila Musa meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan kemudian menjadi regu Tengku Razaleigh Hamzah menentang regu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad-Tun Ghafar Baba dalam pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden parti 1987.

Boleh dikatakan ia adalah ujian paling getir dihadapi Umno Johor apabila regu Musa-Razaleigh tewas dan Umno diharamkan pada 4 Februari 1988. Namun apa yang istimewa di kalangan Orang Melayu Johor, termasuk Musa sendiri ialah mengecam kemunculan beberapa kumpulan cuba menggugat keutuhan Umno. Pemimpin Umno Johor berpendirian kemunculan kumpulan itu hanya menyulitkan lagi pemulihan Umno yang memayungi ketuanan politik Melayu.

Orang Melayu Johor juga tidak mahu berpisah dari Umno dan mereka rela menempuh onak dan duri dalam proses menyertai Umno yang didaftarkan semula Dr Mahathir daripada menyertai kumpulan serpihan dipimpin Tengku Razaleigh.

Umno Johor yang ketika itu dipimpin Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin menggunakan pendekatan sederhana dan atas sokongan beberapa tokoh termasuk Datuk Abdul Ghani Othman, Perhimpunan Melayu Johor dianjurkan dalam usaha menyatukan semula Orang Melayu negeri itu ke dalam Umno.

Perhimpunan pada 18 Disember 1988 itu menjadi jambatan kepada golongan serpihan untuk menyertai semula Umno, sekali gus membuktikan kematangan Umno Johor yang menggunakan musyawarah dalam menyatukan Orang Melayu.

Enam resolusi diluluskan termasuk menerima keputusan pemilihan 1987, mengembalikan perlembagaan asal Umno dan mengembalikan semula perpaduan Melayu. Semua resolusi itu diterima Majlis Tertinggi Umno, sekali gus menjadi titik pembuka jalan kepada perpaduan Melayu Johor.

Sesungguhnya apabila menceritakan mengenai Umno Johor, ia bagaikan menyentuh Umno keseluruhannya kerana sebahagian besar yang berlaku di Johor tidak dapat dielak daripada mencorakkan Umno seluruh negara. Umno Johor boleh dianggap akar kepada Umno yang tetap tumbuh membina perpaduan bangsa Melayu sekalipun pokoknya ditebang.

Semua itu ditunjangi pegangan majoriti bahawa Umno adalah parti Orang Melayu Johor dan Umno Johor tidak pernah ketandusan pemimpin bermula dengan Onn hingga kepada Pengerusi Perhubungan negeri sekarang, Abdul Ghani. Pemimpin di Johor sering berwatak kukuh, berprinsip dan berani bertindak.

Sumbangan mereka amat besar kepada keutuhan dan perpaduan Melayu Patah kalam kalau mahu menceritakan sumbangan semua pemimpin terbabit sama ada kepada Johor mahupun di peringkat kebangsaan seperti Onn sendiri, Tun Dr Ismail Abdul Rahman, Tun Hussein Onn, Tun Syed Nasir Ismail, Tan Sri Syed Jafar Albar, Musa, Tan Sri Sardon Jubir, Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Muhyiddin dan Abdul Ghani (sekadar menyebut beberapa nama).

Barisan pemimpin patah pasti tumbuh, hilang tetap berganti itu sentiasa berada di barisan hadapan sejak dahulu termasuk memperjuangkan hak ketuanan Melayu tidak tergadai, termasuk memperjuangkan pemindaan fasal 153 Perlembagaan Persekutuan dalam memberi keistimewaan kepada Orang Melayu.

Kekuatan pemimpin itu juga sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat negeri sudah membawa Johor sebagai antara negeri pesat membangun di negara ini.

Kini, di bawah kepemimpinan Abdul Ghani, Johor ditadbir dengan agenda pembangunan holistik dalam usaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat sama ada dari segi spritual dan keagamaan, kebudayaan dan pendidikan serta kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan segenap lapisan masyarakat. Selain kekuatan karisma pemimpinnya, Umno Johor sendiri kukuh di atas landasan dibina keahlian teramai lebih 370,000 orang yang menganggotai 1,746 cawangan di 20 bahagian.

(END)